

Gaya Bahasa Pertautan dan Kekuatannya dalam Mencorakkan Keindahan: *Syair Dagang Adanya Karya Sheikh Hamzah Fansuri*

*The Stylistic Devices of Conjunction and Their Strength in Shaping Beauty:
Syair Dagang Adanya by Sheikh Hamzah Fansuri*

MOHD MUHAIMI ABDUL RAHMAN, ZUBIR IDRIS*
& MUHD NORIZAM JAMIAN

ABSTRAK

Syair Dagang Adanya merupakan puisi Sheikh Hamzah Fansuri yang sarat dengan nilai-nilai Islam. Namun, kajian tentang kepenyairan Sheikh Hamzah Fansuri menerusi syair ini kurang dikaji secara tuntas sehingga menimbulkan kelompondan kajian yang ketara khususnya yang berkaitan aspek keindahan gaya bahasa. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan meneliti keindahan gaya bahasa pertautan yang digunakan oleh Sheikh Hamzah Fansuri dalam syair ini. Kajian kualitatif ini mengaplikasikan analisis kandungan terhadap manuskrip MSS 3160 *Syair Dagang Adanya*. Pengumpulan data dilakukan dengan melibatkan beberapa proses, iaitu; (1) Pembacaan secara berulang-ulang *Syair Dagang Adanya* untuk mengenal pasti kata kunci yang berkaitan gaya bahasa pertautan; (2) Mencatat dan menulis kata kunci gaya bahasa pertautan yang terdapat dalam *Syair Dagang Adanya*; (3) Mengelompokkan kata-kata kunci dengan gaya bahasa pertautan berdasarkan model Tarigan untuk dianalisis; dan (4) mengenal pasti kesan keindahan penggunaan gaya bahasa tersebut. Model Gaya Bahasa oleh Henry Guntur Tarigan (1983) digunakan sebagai kerangka analisis dengan tumpuan terhadap gaya bahasa pertautan yang merangkumi metonimi, alusi, eufemisme, epitet, sinekdok, antonomasia, paralelisme dan asindeton. Dapatan kajian mendapati Sheikh Hamzah Fansuri berjaya memanipulasikan kesemua gaya bahasa pertautan tersebut dalam mencorakkan keindahan *Syair Dagang Adanya*. Kekuatan gaya bahasa pertautan ini membolehkan Sheikh Hamzah Fansuri menyampaikan isu-isu berkaitan keagamaan secara berkesan. Kajian sistematik ini diharap dapat mencambahkan kajian-kajian sarjana tentang penggunaan gaya bahasa dalam pengkaryaan Sheikh Hamzah Fansuri yang lainnya.

Kata kunci: Gaya bahasa pertautan; Henry Guntur Tarigan; manuskrip; Sheikh Hamzah Fansuri; *Syair Dagang Adanya*

ABSTRACT

The poem *Syair Dagang Adanya* by Sheikh Hamzah Fansuri is rich with Islamic values. However, studies on the poetry of Sheikh Hamzah Fansuri through this poem have been insufficiently conducted, leaving a significant gap in research, particularly in relation to the linguistic stylistic beauty. Therefore, this study aims to examine the beauty of conjunctive stylistic devices employed by Sheikh Hamzah Fansuri in this poem. This qualitative study applies content analysis to the MSS 3160 manuscript of *Syair Dagang Adanya*. Data collection was conducted through several processes, namely: (1) Repeated reading of *Syair Dagang Adanya* to identify keywords related to conjunctive stylistic devices; (2) Recording and noting the conjunctive stylistic device keywords found in *Syair Dagang Adanya*; (3) Grouping the keywords by conjunctive stylistic devices based on Tarigan's model for analysis; and (4) Identifying the aesthetic impact of these stylistic devices. The Stylistic Devices model by Henry Guntur Tarigan (1983) was used as the analytical framework, with a focus on conjunctive stylistic devices including metonymy, allusion, euphemism, epithet, synecdoche, antonomasia, parallelism, and asyndeton. The findings of this study reveal that Sheikh Hamzah Fansuri successfully manipulated all these conjunctive stylistic devices to enhance the beauty of *Syair Dagang Adanya*. The strength of these devices allowed Sheikh Hamzah Fansuri to effectively convey religious themes. It is hoped that this systematic study will encourage further scholarly research on the use of stylistic devices in the literary works of Sheikh Hamzah Fansuri.

Keywords: Conjunctive stylistic devices; Henry Guntur Tarigan; manuscript; Sheikh Hamzah Fansuri; *Syair Dagang Adanya*

PENGENALAN

Sheikh Hamzah Fansuri merupakan seorang sarjana, cendekiawan, sasterawan dan ulama yang hidup antara akhir abad ke-16 Masihi sehingga awal abad ke-17 Masihi, iaitu semasa zaman pemerintahan Sultan Iskandar Muda Thani. Beliau menjadi pelopor berkembangnya syair di Alam Melayu sebelum munculnya ramai penyair lain. Menurut Syed Naquib Al-Attas (2003), Sheikh Hamzah Fansuri merupakan pencipta syair Melayu. Masyarakat Melayu mula mengenali syair pada abad ke-17 Masihi, iaitu selepas bermulanya penciptaan dan pengembangannya oleh Sheikh Hamzah Fansuri. Sheikh Hamzah Fansuri juga telah berjaya meletakkan asas-asas nilai estetika dan puitika Melayu dalam karya-karyanya, sementara A. Teeuw (2003) pula menyatakan syair-syair yang dihasilkan oleh Sheikh Hamzah Fansuri lebih menjurus kepada penggunaan bahasa Melayu berbanding karyanya yang terdahulu yang menjurus kepada bentuk syair Arab seperti *Syarab al-Asyiqin*, *Asrar al-Arifin* dan *Kitab al-Muntahi*. Selanjutnya, Zarina Abdullah, Farah Nur Rasyidah dan Ahmad Nazeer (2017) menyatakan kepengarangan beliau lebih dikenali menerusi genre syair seperti *Syair Perahu*, *Syair Burung Punggok* dan *Syair Sidang Fakir*. Dalam bidang kebahasaan, beliau telah memberi sumbangan sebagai penulis kitab keilmuan berbahasa Melayu. Secara umumnya, kajian yang berkaitan dengan perihal gaya bahasa dalam karya Sheikh Hamzah Fansuri masih kurang diperkatakan. Menurut Mohd Muhaimi Abdul Rahman, Zubir Idris & Muhd Norizam Jamian (2024), kajian gaya bahasa dalam *Syair Dagang* karya Sheikh Hamzah Fansuri adalah signifikan dan relevan kerana akan membantu menyerlahkan lagi kekuatan kepengarangan, memperdalamkan penghayatan dan keberkesanan puisi beliau selaku cendekiawan bahasa dan sastera yang perlu diberikan perhatian. Hal ini berbeza dengan kajian ini yang membincangkan aspek gaya bahasa dalam *Syair Dagang Adanya* serta kekuatannya dalam mencorakkan keindahan syair ini.

Syair Dagang adalah tergolong dalam syair nasihat. Terdapat misi dakwah untuk disampaikan kepada pembaca antaranya mengupas persoalan nilai-nilai agama yang wajib dimiliki oleh usahawan untuk berjaya dalam bidang yang diceburi dan mendapat hasil yang tinggi serta mencapai keredaan Allah SWT (Huzaimah Ismail, Norsiah Sulaiman & Nafisiah Abdul Rahman, 2013: 179). Syair merupakan bentuk puisi yang mengungkapkan isi hati, gagasan, emosi dan perasaan penyair yang dituangkan ke dalam tulisan yang indah dan memiliki makna yang mendalam (Muhammad Zalika Esa Putra, 2023: 152). Oleh itu, pemilihan bahasa yang digunakan dalam puisi adalah sumber utama keindahan puisi. Sejajar dengan pemahaman tersebut, Tarigan (1985: 180) menyenaraikan empat gaya bahasa yang mampu berfungsi untuk memperindah dan memantapkan puisi. Empat gaya bahasa tersebut ialah gaya bahasa perbandingan, gaya bahasa perulangan, gaya bahasa pertentangan dan gaya bahasa pertautan (Muharam Awang & Zubir Idris, 2023: 208).

Salah satu daripada empat gaya bahasa yang diterapkan dalam puisi Sheikh Hamzah Fansuri ialah gaya bahasa pertautan. Gaya bahasa pertautan adalah gaya bahasa pada suatu ungkapan dalam kalimat berkias yang memiliki hubungan pertautan terhadap suatu hal yang ingin diutarakan (Atep Rifal, H. R Herdina & Sri Mulyani, 2024). “Pertautan” berasal daripada kata akar “taut” yang membawa erti menjadi rapat, bertemu, berhubungan atau pertalian yang wujud antara

sesuatu perkara atau peristiwa dengan yang lainnya (Muharam Awang & Shaiful Bahri Md. Radzi, 2020: 35).

Gaya bahasa pertautan juga digunakan untuk mempertautkan antara sesuatu unsur dengan unsur atau kalimat berkias yang lain dengan apa yang ingin diutarakan oleh pengarang. Dwi Krisnawati dan Sri Budi Astuti (2023: 1505) dalam penulisan mereka mengatakan bahasa pertautan terdiri daripada tiga gaya bahasa, iaitu eufisme, metanomia dan sinekdok. Gaya bahasa pertautan seringkali digunakan oleh pengarang dengan menggunakan nama ciri atau hal yang berkaitan dengan nama orang atau nama barang sebagai penggantinya. Dalam konteks perbincangan terhadap syair yang diperkatakan ini, ketiga-tiga gaya bahasa yang diajukan oleh Dwi Krisnawati (2023) banyak digunakan oleh Sheikh Hamzah Fansuri dalam karyanya.

Kajian gaya bahasa pertautan dalam *Syair Dagang Adanya* karya Sheikh Hamzah Fansuri adalah signifikan dan relevan kerana akan membantu menyerlahkan lagi kehebatan kepengarangannya dari aspek penggunaan gaya bahasa yang pelbagai dan menjadikan hasil-hasil karyanya itu tidak jemu-jemu dibaca dan dihayati ramai. Masyarakat Melayu tradisional menggunakan karya sastera sebagai antara medium komunikasi. Karya-karya bertulis ini menjadi wahana penting untuk menyampaikan mesej dan maklumat kepada khalayaknya pada ketika itu (Muhd Norizam Jamian & Shaiful Bahri Md Radzi, 2015: 184). Ketokohan beliau dapat dipertanggungjawabkan secara objektif kerana disandarkan kepada bukti dalaman karya yang kesemuanya diujahkan secara ilmiah dan seterusnya mendorong kepada penemuan-penemuan terbaharu untuk rujukan para penyelidik.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dilakukan untuk menganalisis dan mengenal pasti gaya bahasa pertautan yang terdapat dalam *Syair Dagang Adanya* karya Sheikh Hamzah Fansuri serta kekuatan gaya bahasa tersebut dalam mencorakkan keindahan syair. Gaya bahasa pertautan adalah majas yang menggunakan kata-kata kiasan yang berhubungan atau bertautan dengan suatu hal yang ingin diutarakan (Alib Astuti, Lusy Novitasary & Edy Suprayitno, 2023: 15). Gaya bahasa pertautan juga dikenali sebagai gaya bahasa pada suatu ungkapan dalam kalimat berkias yang memiliki hubungan pertautan terhadap suatu hal yang ingin diutarakan. Menurut Emira Naisya Imani, Jumadi dan Dwi Wahyu (2023), gaya bahasa pertautan digunakan untuk mempertautkan suatu unsur dengan unsur lain atau kalimat berkias yang memiliki hubungan pertautan terhadap suatu hal yang ingin diutarakan. Perspektif ini dapat memberikan inspirasi baharu kepada masyarakat tentang gaya bahasa pertautan yang terdapat dalam puisi Melayu tradisional sebagai bukti keunggulan kepengarangan Sheikh Hamzah Fansuri. Keunggulan kepengarangan berkait dengan pelbagai sifat dan motif penulisannya. Perumpamaan dalam bahasa Melayu sering berkait dengan sifat semula jadi yang bermotif, seperti flora dan fauna, benda atau alam sekitar yang melibatkan bentuk muka bumi serta fenomena alam (Shaiful Bahri, 2019). Hal ini sekali gus dapat mengungkapkan fikiran, memperlihatkan jiwa serta keperibadian pengarang menerusi bahasa yang diterapkan dalam *Syair Dagang Adanya* sehingga mampu meninggalkan kesan atau efek estetik yang tinggi. Menurut Sapardi Djoko Damono dan rakan (2021: 9), efek estetik inilah yang membuatkan karya sastera bernilai tinggi.

SHEIKH HAMZAH FANSURI

Antara tokoh-tokoh ulama besar yang banyak menyumbang ilmu persuratan Melayu ialah Nuruddin ar-Raniri, Hamzah Fansuri, Shamsuddin al-Samatrani, Abdul Samad al-Falambani, dan Muhammad Arshad al-Banjari (Zurina, Farah & Ahmad, 2017: 74). Bagi menerokai aspek gaya bahasa, tokoh yang menjadi tumpuan dalam penulisan ini ialah Sheikh Hamzah Fansuri kerana sumbangan beliau dalam kesusasteraan Melayu khususnya melalui karyanya, iaitu *Syair Dagang Adanya*.

Sheikh Hamzah Fansuri merupakan seorang ulama, sarjana, sasterawan, dan cendekiawan yang dilahirkan di Barus, Aceh. Beliau merupakan penyair Melayu pertama yang menggubah syair-syair bersifat agama. Syair karya Sheikh Hamzah Fansuri mempunyai ciri-ciri yang tersendiri seperti mempunyai empat perkataan satu baris, 7-12 suku kata, pola rima a-a-a-a dan setiap baris membawa makna kepada setiap rangkap. Menurut Harun Mat Piah (1989), syair bahasa Melayu mempunyai beberapa variasi yang bergantung kepada rimanya. Sheikh Hamzah Fansuri merupakan orang pertama yang memperkenalkan puisi syair berbentuk empat baris.

Sheikh Hamzah Fansuri berjaya meletakkan asas-asas nilai estetika dan puitika Melayu dalam karya-karyanya di tempat yang sewajarnya. Gagasan yang dibawa oleh beliau telah menimbulkan pelbagai polemik sehingga membawa kepada peristiwa serangan pihak pemerintah terhadap pengikutnya. Peristiwa ini membawa kepada pembakaran karya-karya dan kitabnya di perkarangan Masjid Baitulrahman, Aceh. Dalam peristiwa ini, pengikut-pengikut Sheikh Hamzah Fansuri telah berjaya menyelamatkan beberapa buah manuskrip sebelum tersebar di serata Nusantara. Antara karya-karya beliau yang berjaya diselamatkan ialah *Syair Dagang Adanya*, *Syair Perahu*, *Syair Burung Punggok*, *Syair Sidang Fakir*, *Syair Ikan Tongkol* dan *Asrar al-Arifin*.

LATAR BELAKANG *SYAIR DAGANG ADANYA* (MSS 3160)

Manuskrip *Syair Dagang Adanya* (MSS 3160) ditulis dalam bentuk tulisan tangan dengan huruf Jawi pada Hari Khamis, iaitu pada waktu malam Jumaat ketika bulan mengambang (halaman 1 rangkap 4). MSS 3160 merupakan nombor katalog bagi manuskrip tersebut. Huruf MSS pula merupakan huruf rujukan yang digunakan bagi manuskrip Melayu yang tersimpan di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) manakala 3160 merujuk kepada nombor semasa manuskrip tersebut direkodkan. Manuskrip ini telah dibeli oleh Haji Wan Mohd Shaghir pada 24 Jun 2002 dalam keadaan yang baik dan lengkap. Manuskrip ini tersimpan di Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan boleh didapati untuk tujuan rujukan dengan nombor MSS 3160 pada jilidan yang bernombor [10] ff. Saiz ukuran bagi manuskrip *Syair Dagang Adanya* ialah 24 x 17 cm, iaitu mempunyai 18 halaman dan 191 rangkap dengan 14 hingga 22 baris bagi setiap rangkap (Mohd Muhaimi & Salmah Jan, 2023: 59).

Pengarang manuskrip menggunakan kertas LAID Eropah yang berwarna putih kekuningan bertompokkan kesan terkena air dan mempunyai tera air berbentuk bulan sabit berprofil manusia dalam perisai. Kertas yang digunakan juga mempunyai kuras (helaian yang digunakan dalam percetakan buku dan berlipat-lipat serta dikerat menjadi beberapa muka) yang berceraian tanpa kulit. Setiap helaianya pula mempunyai dua kolum dengan susunan jenis tulisan yang kemas dan konsisten (Mohd Muhaimi & Salmah Jan, 2019: 1106-1107).

Dalam manuskrip ini tidak dicatatkan maklumat tentang pengarang. Namun begitu, pengarang menyatakan tentang masa, peralatan, suasana dan saat-saat manuskrip dikarang. Hal ini dapat dilihat pada rangkap awal seperti yang berikut:

Dengarlah encik permulaan khabar,
Asalnya kalam daripadanya akar,
Asal dakwat daripadanya damar,
Hamba mengarang baharu belajar. (rangkap 2)
Adapun konon suatu hari,
Duduk termenung seorang diri,
Di dalam kalbu terlalu dengari,
Mengenangkan nasib badan sendiri. (rangkap 3)

Malam Jumaat bulan pun menerang,
Masygulnya Dagang bukan sebarang,
Pada masa itu syair terkarang,
Jam berbunyi berderang-derang. (rangkap 4)

Pengarang merupakan seorang pedagang yang merantau ke negeri orang dan tinggal berjauhan dengan sanak saudaranya di kampung halaman. Kehidupannya tidak menentu dan penuh cabaran. Hal ini digambarkan menerusi rangkap seperti yang berikut:

[K](G)undah-[k](g)ulana bukan sebarang,
Dari dahulu sampai sekarang,
Kerana tinggal di negeri orang,
Sanak saudara temu jarang. (rangkap 7)

Syair Dagang Adanya mengisahkan tentang pengembaraan seorang lelaki yang diriwayatkan sebagai Dagang yang merantau keluar dari kampung halamannya. Dagang merupakan seorang lelaki miskin yang hidup dalam serba kekurangan (Mohd Muhaimi & Salmah Jan, 2019: 100). Dalam pengembaraannya, Dagang telah menempuh pelbagai peristiwa dan bertemu dengan masyarakat yang mempunyai pelbagai latar belakang yang boleh dijadikan sebagai pengajaran dan teladan. Kisah pengembaraan Dagang telah diharmonikan sebaiknya oleh pengarang daripada segi rima, bahasa dan gaya bahasanya.

KAJIAN LEPAS

Terdapat beberapa kajian terdahulu yang melibatkan manuskrip *Syair Dagang Adanya* karya Sheikh Hamzah Fansuri. Kajian pernah dilakukan oleh Mohd Muhaimi Abdul Rahman pada tahun 2010 yang bertajuk *Syair Dagang: Satu Kajian Naskhah*. Kajian ini bertujuan untuk mentransliterasikan keseluruhan halaman manuskrip *Syair Dagang Adanya* (MSS 3160) yang terdiri daripada 18 halaman (191 rangkap) yang diperoleh di Perpustakaan Negara Malaysia.

Kajian berkaitan *Syair Dagang Adanya* turut pernah dilakukan oleh Norsiah Sulaiman (2012) dengan tajuk artikel *Pemikiran Intelektual Alam Melayu: Tumpuan Syair Dagang No. MSS 3160, Muka Surat 13-14*. Kajian bertujuan untuk mengetengahkan inti pati intelektualisme yang ada dalam manuskrip Melayu lama agar dapat dimanfaatkan khalayak pembaca bagi menghadapi cabaran milenium. Kajian ini menggunakan manuskrip yang ditulis sebagai *Syair Dagang* (SD) yang diperoleh di Perpustakaan Negara Malaysia. Dapatan mendapati bahawa asas dan pemikiran budaya masyarakat Alam Melayu adalah dari sumber Islam.

Kajian seterusnya telah dilakukan oleh Huzaimah Ismail, Norsiah Sulaiman dan Nafisiah Abdul Rahman (2013) dengan artikel bertajuk *Survival Entrepreneur Muslim Berdasarkan Manuskrip Syair Dagang Adanya*. Kajian ini bertujuan untuk melihat elemen-elemen keusahawanan yang boleh dihayati oleh peniaga Muslim ketika melakukan urusan jual beli. Kajian ini hanya melibatkan transliterasi 1 halaman teks manuskrip *Syair Dagang Adanya* sahaja, iaitu halaman 7 yang berkaitan dengan tatacara untuk menjadi peniaga Muslim yang sejati. Kajian mendapati bahawa terdapat empat nilai untuk menjadi peniaga yang baik, iaitu cerdik, cepat, jujur dan amanah.

Seterusnya, kajian terhadap *Syair Dagang Adanya* ini telah dilakukan oleh Mohd Muhaimi Abdul Rahman (2024) dengan kajiannya yang bertajuk *Pendekatan Dakwah dalam Manuskrip Syair Dagang*. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis *Syair Dagang* dengan menggunakan tiga pendekatan dakwah, iaitu *al-Hikmah*, *al-Mawizah al-Hasanah* dan *al-Mujadalah*. Dapatan kajian mendapati bahawa manuskrip ini mengisahkan pengembaraan seorang lelaki yang diriwayatkan sebagai dagang. Manuskrip ini kaya dengan teladan, pengajaran, syarat berniaga, syarat menjadi nakhoda, syarat mencari jodoh dan hukum-hakam dalam Islam.

Selain itu, terdapat pelbagai kajian yang telah menggunakan karya hasil ciptaan Sheikh Hamzah Fansuri sebagai bahan kajian. Antara pengkaji yang telah mengkaji syair agama karya Sheikh Hamzah Fansuri ialah Bunga Cindra Gassani (2021) dari Universiti Islam Negeri Sunan Gunung Djati dengan tajuk *Analisis Majas Metafora dan Personafikasi pada Syair Perahu karya Sheikh Hamzah Fansuri*, M. Ahsin (2020) dengan kajiannya bertajuk *Interpretasi Sufistik Atas Hadis Melalui Sastra dalam Syair Perahu karya Hamzah Fansuri*, A. Hasjmy (2019) dengan tajuk *Ruba'i Hamzah Fansuri karya Sastera Sufi Abad XVII*, Zurina Abdullah, Farah Nur Rashidah dan Mohd Nazeer (2017) dengan artikel bertajuk *Analisis Morfologi dalam Syair Perahu*, dan Silvia Sandi (2016) *Studi Kelayakan Media Pembelajaran Syair Agama "Perahu" karya Hamzah Fansuri dalam Penanaman Pendidikan Moral*. Didapati bahawa kebanyakan pengkaji terdahulu menggunakan syair agama, iaitu *Syair Perahu* karya Sheikh Hamzah Fansuri sebagai sumber kajian. Sebaliknya, kajian yang akan dilakukan melibatkan *Syair Dagang Adanya* yang belum dikaji dan diterokai oleh mana-mana pengkaji dari aspek bahasa.

Berkaitan dengan kajian terhadap gaya bahasa, terdapat beberapa kajian terdahulu yang memperkatakan tentang gaya bahasa pertautan dalam karya kesusasteraan. Kajian oleh Desi Putri Lestari dan Irwan Siagian (2024) misalnya telah melihat kelompongan yang ada dalam *Novel Pulang-Pergi Karya Tere Liye*. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui unsur budaya dan gaya bahasa yang terdapat dalam novel *Pulang-Pergi*. Kajian oleh Desi Putri ini terdahulu menggunakan bahan kajian berdasarkan teks sastera moden manakala kajian yang akan dilakukan ini menggunakan manuskrip Melayu lama, iaitu *Syair Dagang*. Terdapat perbezaan antara kajian beliau dengan kajian yang hendak dijalankan ini. Sungguhpun kajian oleh Desi Putri memperkatakan tentang gaya bahasa, tetapi tumpuan kajian beliau adalah terhadap gaya bahasa perbandingan (hiperbola, eufisme, repitisi dan sarkasme). Sebaliknya, kajian yang akan dilakukan ini memperkatakan tentang lapan gaya bahasa pertautan (metonimi, alusi, eufemisme, epitet, sinekdok, antonomasia, paralelisme dan asindeton) dan kesan keindahan gaya bahasa tersebut.

Kajian oleh Cindi Apriolita dan Syarif Hidayatullah (2024) berkait dengan pemahaman gaya bahasa postingan pada akaun Instagram@Puisi.Laut. Dapatan kajian oleh beliau mendapati bahawa terdapat pelbagai gaya bahasa dengan 11 penemuan yang digunakan oleh khalayak dalam akaun Instagram@Puisi.Laut, iaitu hiperbola (7), metafora (1), simile (1) dan personifikasi (2). Kajian ini tidak menyatakan secara jelas tentang gaya bahasa yang digunakan, sebaliknya terus mengajukan dapatan dan gaya bahasa yang terdapat dalam akaun Instagram@Puisi.Laut. Hal ini

berbeza dengan kajian ini yang akan menggunakan gaya bahasa oleh Hendry Guntur Tarigan dari aspek gaya bahasa pertautan selain kesan keindahannya.

Kajian oleh Atep Rifal Al faruq, H. R. Herdiana dan Sri Mulyani (2024) pula memperkatakan tentang analisis terhadap gaya bahasa dalam *Film 5cm Karya Donny Dhirgantoro dan Hilman Muttasi dalam Upaya Pengembangan Bahan Ajar Puisi*. Kajian beliau melibatkan gaya bahasa dalam filem, berbanding kajian ini yang dibuat menggunakan medium yang berbeza, iaitu manuskrip Melayu lama. Kajian oleh Atep Rifal Al faruq dan rakan-rakan juga begitu luas skopnya, yang melibatkan kesemua keempat-empat aspek gaya bahasa yang diperkenalkan oleh Hendry Guntur Tarigan (perbandingan, pertentangan, pertautan dan perulangan). Sebaliknya, kajian ini hanya melibatkan aspek-aspek tertentu dalam gaya bahasa pertautan, iaitu metonimi, alusi, eufemisme, epitet, sinekdok, antonomasia, paralelisme dan asindeton dan juga keindahan berdasarkan penggunaan kesemua gaya bahasa tersebut.

Seterusnya, kajian berkaitan gaya bahasa turut dilakukan oleh Alib Astuti, Lusy Novitasari dan Edy Suprayitno (2023) terhadap *Kumpulan Cerpen Tak Semanis Senyummu Karya Sirojuth*. Kajian ini mendeskripsikan tentang penggunaan gaya bahasa dalam kumpulan cerita pendek dan menggunakan kesemua keempat-empat gaya bahasa yang dikemukakan oleh Hendry Guntur Tarigan (1983), iaitu perbandingan, pertentangan, pertautan dan perulangan. Sama seperti sebelumnya, kajian ini hanya melibatkan gaya bahasa pertautan sahaja selain kesan keindahan.

Diana Maryana (2023) dalam penulisannya telah menganalisis gaya bahasa iaitu “*Pertentangan dan perulangan daripada Lagu Daerah Empat Lawang Selatan*”. Kajian beliau bertujuan untuk mendeskripsikan gaya bahasa dan makna *Lagu Daerah Empat Lawang Selatan*. Dapatan kajian beliau mendapati terdapat enam bentuk gaya bahasa pertentangan dalam lagu daerah empat lawang, iaitu hiperbola (2), gaya bahasa ironi (4), gaya bahasa paronomasia (1), gaya bahasa zeugma (1), gaya bahasa perulangan kiasmus (3), dan gaya bahasa repetisi (9). Gaya bahasa yang paling dominan dalam lirik *Lagu Daerah Empat Lawang* ialah gaya bahasa repetisi. Hal ini berbeza dengan kajian yang akan dilakukan ini sama ada dari segi penggunaan bahan kajian, jenis gaya bahasa yang digunakan serta kesan keindahannya.

Berikutnya, kajian gaya bahasa turut dilakukan oleh Muharam dan Shaiful Bahri (2020) dalam penulisan mereka, iaitu *Indah Lagi Mengasyikkan karya Usman Awang*. Kajian oleh mereka memperkatakan tentang keindahan gaya bahasa pertautan dalam sajak-sajak karya Usman Awang seperti *Gelombang* (1960), *Duri dan Api* (1967), *Kaki Langit* (1971), *Salam Benua* (1987) dan *Puisi-Puisi Pilihan Sasterawan Negara Usman Awang* (1987). Keindahan puisi ini dianalisis dengan menggunakan Model Gaya Bahasa Hendry Guntur Tarigan, khususnya gaya bahasa pertautan seperti metonimi, sinekdoke, alusi, eufemisme, epitet, antonomasia, paralelisme dan asidenton. Kajian terdahulu berbeza kerana menggunakan puisi moden karya tokoh terkenal, iaitu Usman Awang, sebaliknya kajian ini akan menggunakan manuskrip Melayu yang diperoleh dari Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), iaitu MSS3160 *Syair Dagang Adanya*.


Tinjauan kajian lepas jelas menunjukkan bahawa minat pengkaji lebih tertumpu kepada karya sastera moden. Terdapat juga segelintir pengkaji yang meneliti karya puisi sastera Melayu tradisional berbentuk puisi tetapi dalam bentuk digital, iaitu Instagram seperti Cindi Apriolita dan Syarif Hidayatullah (2024). Sehubungan itu, kajian terhadap *Syair Dagang Adanya* ini signifikan kerana memfokuskan aspek gaya bahasa dan dipandu dengan kerangka analisis yang lebih sistematik, yang seterusnya dapat memberikan pencerahan kepada aspek bahasa terhadap karya penyair hebat ini.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kualitatif. Kajian melibatkan manuskrip *Syair Dagang Adanya* (MSS 3160) yang diperoleh di Perpustakaan Negara Malaysia. *Syair Dagang Adanya* (MSS 3160) terdiri daripada 18 halaman dan 191 rangkap. Manuskrip ini dipilih kerana teksnya lebih sempurna, mudah dibaca dan bahasanya lebih gramatis berbanding versi-versi *Syair Dagang* yang lain, iaitu *Syair Anak Dagang* (MSS 3303), *Syair Anak Dagang* (MSS 3532) dan *Syair Anak Dagang* (3862) yang kebanyakan halamannya tidak sempurna akibat dimakan bubuk. Pengumpulan data dilakukan dengan melibatkan beberapa proses, iaitu; (1) Pembacaan secara berulang-ulang *Syair Dagang Adanya* untuk mengenal pasti kata kunci yang berkaitan gaya bahasa pertautan; (2) Mencatat dan menulis kata kunci gaya bahasa pertautan yang terdapat dalam *Syair Dagang Adanya*; (3) Mengelompokkan kata-kata kunci dengan gaya bahasa pertautan berdasarkan model Tarigan untuk dianalisis; dan (4) mengenal pasti kesan keindahan penggunaan gaya bahasa tersebut.

Model Gaya Bahasa Tarigan telah dipilih kerana mampu menyerlahkan dan mengenal pasti gaya bahasa yang terdapat dalam *Syair Dagang Adanya* karya Sheikh Hamzah Fansuri. Gaya bahasa biasanya sering dijumpai dalam karya-karya sastra seperti puisi. Model yang digunakan ini bersesuaian dan selari dengan definisi puisi yang dikemukakan oleh Tarigan (1983), iaitu puisi sebagai karangan berangkap bagi melafazkan dan melukiskan fikiran yang cantik menerusi bahasa yang indah. Oleh itu, kajian telah memilih model Tarigan sebagai asas atau panduan analisis kajian.

Berdasarkan model Tarigan, gaya bahasa terdiri daripada empat pecahan, iaitu pertautan, perbandingan, pertentangan dan perulangan (Rajah 1). Namun begitu, daripada empat pecahan tersebut, kajian ini hanya memfokuskan gaya bahasa pertautan sebagai asas kajian. Menurut Tarigan (1985: 122), terdapat 13 jenis gaya bahasa pertautan, iaitu metonimi, sinekdoke, alusi, eufemisme, eponim, epitet, antonomasia, erotesis, paralelisme, elipsis, gradasi, asidenton dan polisidentos. Menerusi gaya bahasa pertautan ini, lapan kategori bentuk gaya bahasa telah dipilih, iaitu metonimi, alusi, eufemisme, epitet, sinekdok, antonomasia, paralelisme dan asindeton (Rajah 2). Keempat-empat bentuk yang dikemukakan oleh Tarigan ini akan diteliti sebaiknya untuk menganalisis teks *Syair Dagang Adanya* dan kesan keindahan penggunaan gaya bahasa tersebut.



RAJAH 1. Pecahan Gaya Bahasa
 Sumber: Tarigan (1983)

Metonimi
Alusi
Eufemisme
Epitet
Sinekdok
Antonomasia
Paralelisme
Asindeton

RAJAH 2. Lapan jenis gaya bahasa pertautan dalam *Syair Dagang Adanya*

ANALISIS DAN DAPATAN

Kajian ini memberikan perhatian kepada gaya bahasa pertautan dalam *Syair Dagang Adanya*. Gaya bahasa pertautan adalah gaya bahasa pada suatu ungkapan dalam kalimat berkias yang memiliki hubungan pertautan terhadap suatu hal yang ingin diutarakan. Perbincangan seterusnya akan memperkatakan penggunaan lapan jenis gaya bahasa pertautan, iaitu metonimi, alusi, eufemisme, epitet, sinekdok, antonomasia, paralelisme dan asindeton yang terdapat dalam syair ini.

METONIMI

Metonimi merupakan perkataan yang berasal daripada bahasa Yunani, iaitu “meta” yang bermaksud bertukar, dan “onym” yang bermaksud nama. Menurut Emira Naisya Imani, Jumadi dan Dwi Wahyu Candra Dewi (2023), majas metonimi merupakan gaya bahasa yang menggunakan merek dagang atau nama barang untuk menggambarkan atau mewakili suatu hal yang berkaitan, sehingga kata tersebut menjadi berhubungan dengan keseluruhan benda tersebut. Bagi Tarigan (1985) pula, metonimi didefinisikan sebagai gaya bahasa yang mempergunakan nama sesuatu barang bagi sesuatu yang lain yang berkaitan erat dengannya. Metonimi juga boleh didefinisikan sebagai gaya bahasa kiasan yang menerangkan sesuatu hal yang mempunyai kaitan rapat dengan maksud atau tujuan yang sebenarnya. Ulin Nuha Masruchin (2017) pula telah mendefinisikan metonimi sebagai gaya bahasa yang sering menyebutkan ciri khas atau nama merek dari satu benda untuk menggantikan penyebutan benda tersebut. Gaya bahasa ini menggunakan kata-kata tertentu seperti barang, ciri khas, label dan jenis sebagai pengganti nama bagi sesuatu benda atau barang.

Dalam konteks *Syair Dagang Adanya*, penggunaan gaya bahasa pertautan metonimi ini dapat dilihat berdasarkan frasa ayat “*Pandangkan air sentiasa meleleh*” seperti yang terdapat dalam rangkap syair berikut:

Isyarat berniaga hendak dipilih,
Pandangkan air sentiasa meleleh,
Jikalau tidak itu ditoleh,
Harta dicari dimanakan boleh. (rangkap 74)

“*Pandangkan air sentiasa meleleh*” memperjelaskan tentang kaitannya dengan penggunaan gaya bahasa metonimi dalam *Syair Dagang Adanya*. Sebagai penyair dan cendekiawan yang hebat, Sheikh Hamzah Fansuri menggunakan majas atau kiasan “*pandangkan air*” itu sebagai suatu elemen istimewa bertujuan untuk menganalisis sesuatu cerita yang hendak disampaikan kepada khalayak pembaca dengan kepelbagaian kreativiti, inovasi dan kebijaksanaan. Di sinilah letaknya peranan gaya bahasa pertautan yang erat antara satu hal dengan yang lainnya bagi menghasilkan sesuatu maksud. Dalam konteks ini dapat dilihat bagaimana pengarang syair ini dapat mendedahkan tentang perlunya seseorang peniaga membuat penilaian dan memperhalusi tatacara perniagaan agar sentiasa bertepatan dengan syiar Islam sebelum memulakan sesuatu perniagaan. Analogi “*Pandangkan air sentiasa meleleh*” telah digunakan oleh pengarang bertujuan untuk memberi peringatan kepada peniaga supaya sentiasa berwaspada dan mengambil berat dengan hasil keuntungan perniagaan yang masuk supaya benar-benar halal dan bersih kerana setiap urusan perniagaan itu pasti ada kelemahannya. Penggunaan gaya bahasa metonimi dalam ayat “*Pandangkan air sentiasa meleleh*” oleh Sheikh Hamzah Fansuri ini mampu meninggalkan kesan yang besar kepada khalayak pembaca dan pendengar supaya sentiasa berhati-hati, berwaspada dan sentiasa amanah dengan pekerjaannya. Penggunaan gaya bahasa metonimi oleh pengarang ini juga mampu meninggalkan kesan keinsafan, kesedaran, pemahaman dan penegasan yang tinggi kepada khalayak dan dalam masa yang sama membuatkan khalayak tidak jemu apabila membaca karyanya. Penggunaan gaya bahasa ini memberikan impak yang besar kepada khalayak pembaca sama ada dari segi estetika bahasa, akal budi dan mesej pengajaran yang sangat berkesan.

Seterusnya, gaya bahasa metonimi berdasarkan frasa ayat seperti “*Akal yang bongkak juga dibawa*” menjelaskan tentang perilaku atau daya fikir seseorang yang sombong dan angkuh. Dalam hal ini pengarang telah mendedahkan tentang sikap manusia yang wujud dalam masyarakat. Hal ini boleh dilihat dalam rangkap syair di bawah:

Tiada mendengar khabar yang tua,
Akal yang bongkak juga dibawa,
Di situlah banyak kita kecewa,
Sebab mengikut nafsu dan hawa. (rangkap 81)

Majas “akal” telah digunakan untuk memberikan gambaran tentang pemikiran atau sikap lama muda-mudi yang angkuh, sombong dan keras kepala untuk mendengar nasihat daripada orang yang lebih berpengalaman. Majas “akal” yang digunakan ini ternyata mempunyai hubungan yang erat dan penuh makna. Dalam konteks penggunaan gaya bahasa pertautan metonimi, ia dilihat sebagai satu teknik yang menarik apabila pengarang menggabungkan unsur sikap dengan pemikiran untuk disampaikan kepada khalayak pembaca. Dalam hal ini, pengarang turut memberikan nasihat kepada masyarakat supaya menghindari diri daripada perkara-perkara mazmumah seperti judi dan mukah. Kehidupan si pelaku akan menjadi tidak tenteram dan tidak tenang apabila kerap melakukan perkara-perkara mungkar. Akhirnya, kehidupan menjadi tidak menentu dan melarat. Penggunaan gaya bahasa metonimi “*Akal yang bongkak juga dibawa,*” mampu menusuk ke dalam hati khalayak sehingga meninggalkan kesan yang besar seperti boleh menimbulkan kesedaran, keinsafan, simpati, empati dan pilu dalam diri mereka tentang kesombongan sama ada yang pernah dilakukan ataupun tidak. Gaya bahasa ini juga mampu menimbulkan kesan penegasan dan menimbulkan keindahan irama. Hal ini akan membuatkan khalayak berfikir sedalamnya tentang akibat dan kesan orang yang sombong kerana ia merupakan dosa-dosa besar yang begitu dimurkai oleh Allah SWT. Selain itu, kekuatan gaya bahasa ini membolehkan Sheikh Hamzah Fansuri menyampaikan tema nilai Islam yang mengandungi pengajaran dan teladan secara berkesan ketika merakamkan peristiwa yang menyentuh isu-isu kemasyarakatan.

ALUSI

Alusi boleh didefinisikan sebagai satu ragam atau jenis gaya bahasa yang merujuk secara tidak langsung kepada sesuatu peristiwa, tokoh-tokoh atau karya sastra yang terkenal. Menurut Tarigan (1985: 125), alusi ialah gaya bahasa yang pada dasarnya digunakan untuk menghubungkan sesuatu keadaan atau peristiwa atau tokoh tertentu yang telah sedia difahami dan dihayati oleh masyarakat umum. Rahman Shaari (1987) telah mendefinisikan alusi sebagai pemberian penjelasan dengan perbandingan yang berkesan bagi menggambarkan seseorang tokoh atau sesuatu peristiwa. Dengan kata lain, alusi merupakan gaya bahasa yang menyiratkan secara tidak langsung sesuatu peristiwa atau tokoh. Alusi juga mampu memunculkan ingatan pembaca atau memberikan petunjuk kepada peristiwa atau pengetahuan tertentu.

Dalam konteks *Syair Dagang Adanya*, Sheikh Hamzah Fansuri telah mengaplikasikan gaya bahasa alusi dengan begitu baik dan berkesan dalam karyanya. Hal ini bersesuaian dengan kandungan syair ini yang antara lain berkisar tentang amalan dalam Islam, iaitu memperbanyakkan zikir kepada Allah SWT dan menghindari perkara mungkar. Perkara ini dapat dilihat berdasarkan rangkapan syair yang berikut:

Diberinya syurga dengan nikmat,
Jauh fitnah syaitan laknat,
Nabi kita menolong syafaat,
Minta kepada Allah Al-Somad. (rangkap 153)

Awal menyurat hari Isnin,
Syair itu ibarat cermin,
Tempat melihat hati yang Mukmin,
Tentu diketahui kafir Muslimin. (rangkap 154)

Dengan mengambil kira gaya bahasa alusi yang digunakan Sheikh Hamzah Fansuri pada frasa “*Tempat melihatnya hati yang Mukmin*” dalam rangkap syair di atas, secara tidak langsung ia dikaitkan dengan gambaran tentang diri seseorang insan yang merupakan ciptaan Allah SWT dengan gabungan jasad dan roh. Apabila akal disinari dengan cahaya keimanan, maka segala kebaikan akan menghiasi kehidupan seseorang insan. Gerakan hati akan mendengar daripada pandangan akal dan nafsu untuk membuat keputusan sama ada berkiblatkan Allah SWT atau sebaliknya. Penggunaan gaya bahasa alusi “*Tempat melihat hati yang Mukmin*” mampu meninggalkan kesan keinsafan dalam diri khalayak agar sentiasa bermuhasabah diri sebelum menilai diri orang lain. Penggunaan gaya bahasa ini begitu istimewa kerana secara tidak langsung ia dapat mendorong khalayak pembaca memikirkan langkah-langkah untuk membersihkan hati daripada kekotoran, iaitu dengan sentiasa bertaubat, beristighfar dan berdoa kepada-Nya. Kekuatan ini membolehkan Sheikh Hamzah Fansuri menyampaikan tema keislaman yang membawa ungkapan indah dan gambaran perspektif Islam mengenai kehidupan dan manusia.

Seterusnya, Hamzah Fansuri telah mengaplikasikan gaya bahasa alusi dalam *Syair Dagang Adanya* karya beliau berdasarkan frasa ayat “Sebab menutup kemaluan nabi”. Frasa ayat ini merupakan nukilan yang paling jelas dan nyata apabila ia dikaitkan dengan gambaran seorang Muslim yang perlu berusaha sedaya upaya mempertahankan syiar Islam yang dibawa oleh utusan terakhir, iaitu “nabi”. Umum mengetahui bahawa utusan nabi terakhir ialah Nabi Muhammad SAW. Baginda merupakan contoh atau model terbaik pendakwah yang berilmu yang penuh kesederhanaan. Usaha dakwah yang dilakukan baginda begitu mengagumkan sehinggakan agama Islam yang dibawa menjadi panduan manusia seluruh alam. Dalam konteks syair ini, pengarang mengajak khalayak pembaca supaya berpegang teguh kepada syiar Islam agar tidak terjebak dengan ke lembah kehinaan. Setiap kebaikan yang dilakukan pasti akan dibalas dengan kebaikan oleh Allah SWT. Hal ini dapat dilihat menerusi rangkap syair seperti yang berikut:

Jika berbasahan tuan nan mandi,
Allah Taala membalas budi,
Sebab menutup kemaluan nabi,
Sekalian malaikat mendoa nanti. (rangkap 172)

Berdasarkan rangkap syair di atas, dapat dirumuskan bahawa penggunaan gaya bahasa alusi yang digunakan oleh Sheikh Hamzah Fansuri berdasarkan perkataan “kemaluan” mempunyai banyak makna yang tersurat dan tersirat. Perkataan “kemaluan” secara umumnya merujuk kepada alat kelamin pada manusia sama ada lelaki atau pun perempuan. Dari segi tersiratnya pula, kemaluan merujuk kepada perasaan malu atau perihal malu atau sesuatu yang mendatangkan perasaan malu. Sheikh Hamzah Fansuri telah menggunakan gaya bahasa alusi dengan begitu baik sekali apabila menggabungkan dua perkataan yang berbeza maksudnya, iaitu “kemaluan nabi”.

Perkataan ini telah digunakan pengarang untuk merujuk kepada maruah agama Islam dan maruah nabi yang telah menyampaikan syiar Islam. Maruah agama Islam semestinya dipertahankan oleh umat Islam yang berpegang teguh dengan ajaran yang dibawa oleh baginda Nabi Muhammad SAW tanpa mengenal erti penat lelah dan berputus asa. Penggunaan gaya bahasa alusi “*Sebab menutup kemaluan nabi*” mampu menggerakkan imaginasi pembaca, menimbulkan kesan penegasan maksud kepada pendengar dan meningkatkan daya fikir khalayak tentang simbol serta makna yang cuba disampaikan pengarang. Gaya bahasa ini begitu istimewa kerana dapat menjentik hati pembaca, pendengar dan masyarakat tentang perlunya umat Islam berpegang teguh dan berganding bahu “*menutup kemaluan nabi*”, iaitu bersama-sama menjaga nama baik agama Islam dan rasul-Nya. Penggunaan gaya bahasa ini dapat memberikan impak yang besar kepada khalayak pembaca dari segi estetika bahasa yang sangat berkesan. Kekuatan gaya bahasa alusi ini membolehkan Sheikh Hamzah Fansuri menyampaikan tema berupa nasihat dan ketabahan dalam berdakwah menyampaikan ajaran Islam.

EUFEMISME

Perkataan ‘eufemisme’ berasal daripada perkataan Yunani yang bermaksud “hampir sama”, iaitu merujuk kepada ungkapan yang lebih halus sebagai pengganti ungkapan yang kasar yang boleh mendatangkan ketidakselesaan kepada khalayak pembaca dan pendengar. Menurut Hashim Awang (1987: 26), eufemisme merupakan ungkapan yang lebih halus dan manis yang digunakan untuk menggantikan ucapan yang dianggap kasar dan tidak menyenangkan. Contohnya, penggunaan perkataan “meninggal” untuk merujuk kepada “mati”, “berbadan dua” untuk “bunting” dan sebagainya.

Dalam konteks *Syair Dagang Adanya*, didapati Sheikh Hamzah Fansuri begitu bijaksana dan berpandangan jauh dalam menggunakan gaya bahasa eufemisme. Hal ini boleh dilihat dalam rangkap syair di bawah:

Sakitnya itu bukan kerja,
Memeliharaikan engkau seperti raja,
Dari kecil sampai r(u)[e]maja,
Sekarang meninggalkan terlalu manja. (rangkap 51)

Berdasarkan rangkap syair di atas, Sheikh Hamzah Fansuri telah menggunakan gaya bahasa eufemisme berdasarkan frasa ayat seperti “*Memeliharaikan engkau seperti raja*” untuk memberikan gambaran ketinggian kasih sayang seorang ibu terhadap anak. Perkataan “raja” boleh didefinisikan sebagai orang yang mengetuai dan memerintah sesuatu negara bangsa atau kepala negara yang diwarisi. Penggunaan perkataan “raja” digunakan untuk merujuk kepada “kepala negara”, “ketua penguasa” atau “ketua pemimpin”. Umum mengetahui bahawa kedudukan raja begitu tinggi di sisi agama. Raja juga merupakan ketua agama Islam bagi sesebuah negara. Kebiasaannya, seseorang raja memakai mahkota emas, berharta, kaya raya dan sebagainya. Begitu jugalah gambaran yang cuba disampaikan oleh pengarang akan ketinggian penghormatan atau kedudukan seseorang raja dengan seorang ibu. Pemilihan gaya bahasa eufemisme “*Memeliharaikan engkau seperti raja*” yang digunakan mampu memberikan kesan yang besar dalam hati khalayak seperti menimbulkan gambaran pengorbanan seorang ibu yang begitu cekal, kuat dan sabar dalam membesarkan seorang anak. Gaya bahasa ini juga dapat meningkatkan daya imaginasi pembaca dan pendengar untuk lebih memahami makna yang cuba disampaikan pengarang. Dalam konteks sedemikian, ayat “*Memeliharaikan engkau seperti raja*” boleh

disamakan dengan maksud lain peribahasa Melayu, iaitu “*Seperti menatang minyak yang penuh*” yang bermaksud memelihara anak dengan penuh kasih sayang. Dalam komunikasi, orang yang mahir berperibahasa akan dapat memanfaatkan pengetahuannya dalam menyedarkan masyarakat supaya berhati-hati ke atas orang yang bersifat sedemikian (Shaiful Bahri Md. Radzi, 2019). Penggunaan gaya bahasa eufemisme “*Memeliharakan engkau seperti raja*” adalah lebih lembut, berhemah, lebih sopan bentuknya dan lebih berkesan sehingga mampu menusuk jiwa khalayak pembaca.

Seterusnya, Sheikh Hamzah Fansuri turut menggunakan gaya bahasa eufemisme berdasarkan frasa ayat “*Kepada bapamu surat belaka*”. Perkataan “surat” atau “suratan” bertujuan untuk memberikan gambaran tentang sesuatu yang telah berlaku dan merupakan aturan daripada Allah SWT. Perkataan “surat” mempunyai maksud lain, iaitu merujuk kepada objek berupa kertas yang ditulis atau segala sesuatu yang tertulis. Surat ini akan dikirimkan kepada orang lain seperti ayah atau ibu yang berada di kampung. Namun begitu, pengarang telah menggunakan perkataan “surat” untuk merujuk kepada “takdir” yang telah ditentukan oleh Allah SWT. Hal ini dapat dilihat dalam rangkap syair yang berikut:

Kepada ibumu jangan derhaka,
Kepada bapamu surat belaka,
Takut kepada Tuhan yang baqa’,
Lepas daripada api neraka. (rangkap 52)

Berdasarkan rangkap syair tersebut, gaya bahasa eufemisme “*Kepada bapamu surat belaka*” bermaksud menjadi orang yang beriman merupakan sesuatu yang tidak boleh diwarisi daripada seorang bapa dan tidak boleh diwariskan kepada sesiapa pun kerana iman itu merupakan anugerah daripada-Nya. Penggunaan gaya bahasa eufemisme “*Kepada bapamu surat belaka*” begitu istimewa kerana boleh menimbulkan perasaan sedih, rendah hati, cekal dan tabah dalam mengharungi liku-liku kehidupan yang serba mencabar. Pengarang telah menggunakan ayat ini lantaran kesan pengucapannya yang lebih lembut dan sopan nadanya sehingga mampu menusuk jiwa khalayak pembaca.

EPITET

Epitet merupakan gaya bahasa yang bermatlamatkan untuk menyatakan sesuatu sifat atau ciri khas seseorang, benda atau sesuatu hal bagi menggantikan nama-nama yang berkaitan (Tarigan, 1985). Menerusi *Syair Dagang Adanya*, pengarang dengan kreatif telah menggunakan objek atau benda dalam ayat “*Jam berbunyi berderang-derang*”. Benda atau objek, iaitu “jam” merupakan alat yang digunakan untuk menyatakan tentang masa, suasana dan saat-saat baris syair dikarang. Hal ini dapat dilihat dalam rangkap syair seperti yang berikut:

Malam Jumaat bulan pun menerang,
Masygulnya Dagang bukan sebarang,
Pada masa itu syair terkarang,
Jam berbunyi berderang-derang. (rangkap 4)

Berdasarkan rangkap syair tersebut, gaya bahasa epitet “*Jam berbunyi berderang-derang*” bermaksud seolah-olah memberi isyarat untuk terus bangkit daripada tidur. Maksud lain bagi ayat “*Jam berbunyi berderang-derang*” ialah menandakan waktu pagi yang telah tiba yang memerihalkan pengarang menulis syair ini pada lewat malam sehingga pagi. Ayat “*Jam berbunyi berderang-derang*” juga boleh dikiaskan sebagai “ayam berkokok” yang menandakan waktu pagi telah tiba. Kesan penggunaan gaya bahasa epitet “*Jam berbunyi berderang-derang*” dapat memberikan imaginasi yang tinggi kepada khalayak pembaca berkaitan dengan kesegeraan masa atau waktu. Gaya bahasa ini juga dapat menimbulkan unsur-unsur suspen, debaran dan tanda tanya dalam kalangan pendengar tentang apa yang berlaku berikutnya. Penyampaian berbentuk gaya bahasa epitet begitu istimewa kerana merupakan simbolik kepada kehidupan seharian manusia yang berehat pada malam hari dan bangkit pada awal pagi untuk mencari rezeki dan memulakan sesuatu pekerjaan. Kekuatan gaya bahasa ini juga membolehkan Sheikh Hamzah Fansuri menyampaikan tema kemanusiaan yang membawa ungkapan indah dan gambaran mengenai kehidupan dan manusia.

Seterusnya, pengarang menggunakan gaya bahasa epitet seperti “*Mengail ikan tiada mematuk*” seolah-olah memberi isyarat tentang pengorbanan seorang ibu yang sanggup melakukan apa sahaja demi sesuap nasi. Seorang ibu sanggup berjaga malam dengan bekerja walaupun berbadan dua sehingga mengabaikan kesihatannya. Hal ini boleh dilihat dalam rangkap syair berikut:

Banyak tidur serta duduk,
Daripada sangat mata mengantuk,
Kerana jaga semalam suntuk,
Mengail ikan tiada mematuk. (rangkap 24)

Berdasarkan rangkap syair di atas, pengarang begitu kreatif menggunakan gaya bahasa epitet “*Mengail ikan tiada mematuk*” yang bermaksud tidak mendapat sebarang hasil setelah seharian memancing. Begitulah gambaran pengorbanan seorang ibu yang sanggup membanting tulang semata-mata demi kebaikan anaknya. Oleh itu, seorang ibu wajar dihormati, dijaga, disayangi dan dihargai pengorbanannya. Anak yang menghormati ibu pasti akan diberkati dan disayangi Allah SWT. Keredaan ibu menjadi penentu kejayaan seorang anak, sama ada di dunia atau akhirat. Doa seorang ibu begitu mustajab di sisi Allah SWT. Penggunaan gaya bahasa epitet “*Mengail ikan tiada mematuk*” mampu meninggalkan kesan yang besar kepada khalayak seperti boleh menimbulkan perasaan rendah hati, cekal dan tabah dalam mengharungi liku-liku kehidupan yang serba mencabar. Penggunaan gaya bahasa epitet ini mampu memberikan lebih penghayatan dan pemahaman kepada khalayak dengan menyatakan unsur benda dengan ciri khas seseorang, iaitu ibu. Hal ini sekali gus dapat memberikan isyarat kepada anak-anak muda akan pentingnya menghargai jasa seorang ibu yang tiada tolok bandingnya.

SINEKDOK

Perkataan “sinekdok” berasal daripada bahasa Yunani yang bermaksud gaya bahasa yang menyatakan sebahagian hal untuk pengganti keseluruhannya. Sinekdok juga boleh didefinisikan sebagai kiasan yang menyebutkan nama bahagian untuk menggantikan nama bagi keseluruhannya (Hashim Awang, 1987). Gaya bahasa sinekdok juga ditakrifkan sebagai penyebutan nama bahagian sebagai pengganti nama keseluruhan atau sebaliknya (Erika Normalia, 2024: 12). Menerusi *Syair Dagang Adanya*, pengarang telah menggunakan gaya bahasa sinekdok untuk

menyatakan kiasan sebahagian hal untuk menggantikan nama keseluruhannya seperti “*Darat yang ada habislah punah*”. Hal ini boleh dilihat pada rangkap syair berikut:

Sampai diturut turun ke tanah,
Anakku jangan dibuat fitnah,
Darat yang ada habislah punah,
Sakit demikian belum pernah. (rangkap 37)

Berdasarkan rangkapan syair tersebut, pengarang telah menggunakan gaya bahasa sinekdok “*Darat yang ada habislah punah*” yang bermaksud permukaan pepejal bumi yang tidak diliputi secara kekal oleh air (lautan) telah mengalami kerosakan. Darat atau daratan yang terdiri daripada tanah merupakan unsur alam semulajadi yang ada di bumi. Unsur alam merupakan sebahagian daripada kehidupan seniman dan menjadi sumber ilham yang penting (Mohd Saberi & Mas Rynna Wati, 2019: 29-39). Namun begitu, apa yang cuba disampaikan oleh pengarang dalam konteks ayat ini ialah berkaitan dengan penyakit kulit (luaran) yang teruk yang dialami oleh anak Dagang akibat daripada perbuatan orang. Perkataan kiasan “darat” telah digunakan oleh pengarang bertujuan untuk menggambarkan tentang penyakit di luar bahagian badan, iaitu penyakit kulit seperti kurap, kudis, sopak dan sebagainya. Penggunaan gaya bahasa sinekdok “*Darat yang ada habislah punah*” begitu istimewa kerana mampu meninggalkan kesan yang besar dalam hati khalayak seperti boleh menimbulkan kesedaran, simpati, keinsafan dan empati dalam diri mereka tentang penderitaan yang perlu ditanggung akibat perbuatan fitnah. Kekuatan penggunaan gaya bahasa sinekdok dapat memudahkan penyampaian mesej atau maklumat oleh pengarang kepada sasarannya. Ternyata bahawa gaya bahasa sinekdok yang diaplikasikan oleh Sheikh Hamzah Fansuri dapat memadat dan memberikan kesan yang mendalam kepada masyarakat untuk dijadikan iktibar.

ANTONOMASIA

Menurut Tarigan (1985: 32), antonomasia ialah satu bentuk gaya bahasa yang merupakan penggunaan gelaran rasmi atau jabatan sebagai pengganti kepada nama diri. Pengarang *Syair Dagang Adanya* telah menggunakan gaya bahasa antonomasia, iaitu “*Nakhoda itu tamsilnya kembang*” untuk memberikan gambaran tentang gelaran rasmi sebagai pengganti diri. Hal ini boleh dilihat dalam rangkap syair berikut:

Nakhoda itu tamsilnya kembang,
Anak buahnya seumpama kumbang,
Jikalau tahu kita menimbang,
Cahaya seperti bulan mengambang. (rangkap 102)

Berdasarkan rangkap syair di atas, pengarang telah menggunakan gaya bahasa antonomasia “*Nakhoda itu tamsilnya kembang*” yang bermaksud peranan seorang ketua atau nakhoda yang baik akan membawa kepada kemakmuran dan kesejahteraan. Gelaran “nakhoda” merujuk kepada pemimpin, ketua, kepala, tuan atau juragan yang merupakan jawatan berkelulusan tinggi yang berperanan sebagai seorang pelaut yang mengawal atau mengemudi sesebuah kapal. Istilah lain bagi “nakhoda” ialah kapten yang turut digunakan bagi seorang nakhoda yang pernah mengawal sebuah kapal. Penggunaan gaya bahasa antonomasia “*Nakhoda itu tamsilnya kembang*” menimbulkan perasaan teruja dalam kalangan pembaca dan pendengar tentang tugas atau peranan

seorang nakhoda. Gaya bahasa ini begitu istimewa kerana mampu meninggalkan kesan kesedaran terhadap khalayak seperti menyemai semangat berpasukan, taat setia kepada ketua dan menghormati ketua. Bagi sebuah negara yang berdaulat, nakhoda merujuk kepada pemerintah atau pemimpin sesebuah negara. Pemerintah dan rakyat saling berganding bahu dan saling memerlukan antara satu sama lain. Kebijaksanaan pemimpin mampu memotivasikan rakyat, menjamin kesejahteraan dan mewujudkan kemakmuran negara. Kekuatan gaya bahasa antonomasia ini membolehkan Sheikh Hamzah Fansuri menyampaikan tema kepimpinan, iaitu “nakhoda” yang membawa ungkapan lebih indah dan padat pengertiannya.

PARALELISME

Paralelisme boleh didefinisikan sebagai gaya bahasa yang kesejajaran dalam pemakaian kata-kata atau frasa-frasa. Gaya bahasa ini juga merupakan perulangan dua atau lebih perkataan (Rahman Shaari, 1987). Gaya bahasa paralelisme juga boleh didefinisikan sebagai gaya bahasa yang berusaha mencapai kesejajaran dalam pemakaian kata-kata atau frame-frame yang menduduki fungsi yang sama dalam bentuk gramatikal yang sama (Erika Normalia, 2024: 13). Menerusi *Syair Dagang Adanya*, gaya bahasa paralelisme turut digunakan untuk memperkasakan penggunaan gaya bahasanya. Hal ini boleh dilihat dalam rangkap syair di bawah:

*Tamatlah syair tamat al-Kalam,
Dikarang yang fakir orang yang kalam,
Syarat diiringi punya salam,
Berakhir Wassalam. (rangkap 102)*

Berdasarkan rangkap syair di atas, pengarang telah menggunakan gaya bahasa paralelisme, iaitu ayat “*Tamatlah syair tamat al-Kalam*” dan “*Dikarang yang fakir orang yang kalam*”. Menerusi dua ayat ini, terdapat perulangan penggunaan bagi perkataan “kalam”. Perkataan *al-Kalam* bermaksud lafaz yang tersusun dengan makna lengkap mengikut susunan tatabahasa Arab. *Kalam* pula bermaksud orang yang mempunyai akal fikiran dan mengambil pengajaran daripadanya. Pengarang telah menggunakan perulangan perkataan “kalam” dengan begitu baik sekali untuk menghasilkan penulisan yang menjurus kepada struktur paralelisme yang dikira lebih menarik. Penggunaan gaya bahasa paralelisme ini dapat memukau dan menggerakkan imaginasi pembaca, menimbulkan kelembutan bunyi, menimbulkan irama yang indah dan seterusnya dapat menarik minat pendengar untuk mengetahui serta mendalaminya. Kekuatan gaya bahasa paralelisme ini menyerlahkan peribadi pengarang yang murni, yang merendah diri atas kekurangan yang dimilikinya.

ASINDETON

Asindeton merupakan gaya bahasa yang padat dan mampat yang terdiri daripada kata, frasa atau klausa yang sedarjat yang tidak disambungkan dengan kata sambung (Tarigan, 1985). Asindeton boleh didefinisikan sebagai gaya bahasa yang berupa acuan di mana beberapa kata, Erika Normalia (2024: 14) juga mendefinisikan asindeton sebagai frasa atau klausa yang sedarjat tidak dihubungkan dengan kata sambung

Dalam konteks pengkaryaan *Syair Dagang Adanya*, didapati pengarang tidak menggunakan gaya bahasa ini kerana karyanya adalah berbentuk puisi yang tidak menggunakan tanda koma “,”. Sebaliknya, lebih banyak menggunakan kata hubung seperti “dan”.

KESIMPULAN

Kajian berdasarkan Model Gaya Bahasa Tarigan (1983) ini mendapati Sheikh Hamzah Fansuri memanfaatkan bentuk gaya bahasa pertautan dalam teks *Syair Dagang Adanya*. Kesemua gaya bahasa pertautan seperti metonimi, alusi, eufemisme, epitet, sinekdok, antonomasia, paralelisme dan asindeton yang dimanfaatkan dalam penghasilan syair tersebut menyerlahkan kepenyairan Sheikh Hamzah Fansuri sebagai seorang ulama, sasterawan, dan cendekiawan pada abad ke-16. Kesemua gaya bahasa tersebut yang diketengahkan dalam kerangka ini sangat penting dalam memanipulasikan atau memberikan kesan tertentu kepada karya yang terhasil. Seni bahasa Melayu yang digunakan dalam *Syair Dagang Adanya*, begitu puitis, penuh dengan teladan dan mampu menggetarkan hati khalayak yang membacanya.

Berdasarkan kerangka Model Gaya Bahasa Tarigan (1983), kajian ini menyimpulkan bahawa Sheikh Hamzah Fansuri memanfaatkan dan memanipulasikan kepelbagaian bentuk gaya bahasa pertautan dalam *Syair Dagang Adanya*, dengan caranya yang tersendiri. Secara tidak langsung pemilihan kosa kata yang diadunkan oleh beliau melalui penggunaan gaya bahasa ini dapat membantu beliau untuk menyampaikan mesej-mesej dakwah dalam pengkaryanya. Kajian ini diharap dapat mencambahkan lagi kerja-kerja kesarjanaan yang melibatkan *Syair Dagang* karya Sheikh Hamzah Fansuri yang begitu popular terutamanya melibatkan aspek penggunaan gaya bahasa pertautan. Kesimpulannya, gaya bahasa pertautan yang digunakan dalam *Syair Dagang Adanya* begitu istimewa kerana mampu mencorakkan unsur keindahan dan menarik perhatian pembaca. Penggunaan gaya bahasa pertautan oleh Sheikh Hamzah Fansuri juga dapat menguatkan karyanya dari segi gambaran tentang estetika bahasa Melayu pada zaman dahulu.

RUJUKAN

- A. Hasjmy. 2019. *Ruba'i Hamzah Fansuri Karya Sastera Sufi Abad XVII*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Teeuw. 2003. *Sastra dan Ilmu Sastra*. Jakarta: Pustaka Jaya.
- Alib Astuti, Lusy Novitasary & Edy Suprayitno. 2023. Gaya bahasa dalam kumpulan cerpen *Tak Semanis Senyummu* karya Sirojuth. *Jurnal Bahasa dan Sastra* 10(1): 11-19.
- Atep Rifal Al faruq, H. R. Herdiana & Sri Mulyani. 2024. Gaya bahasa pada film *5cm* karya Donny Dhirgantoro dan Hilman Muttasi dalam upaya pengembangan bahan ajar puisi. *Diksatrasia: Jurnal Ilmiah Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia* 8(1): 56-62.
- Bunga Cindra Gassani. 2021. *Analisis Majas Metafora dan Personafikasi pada Syair Perahu karya Hamzah Fansuri*. Program Studi Bahasa dan Sastra Inggeris UIN.
- Cindi Apriolita & Syarif Hidayatullah. 2024. Gaya bahasa pada posting-an akun *Instagram @puisi.laut*. *Diksatrasia: Jurnal Ilmiah Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia* 8(1): 197-200.
- Desi Putri Lestari & Irwan Siagian. 2024. Mengkaji unsur budaya dan gaya bahasa dalam novel *Pulang – Pergi* karya Tere Liye. *Journal on Education* 6(2): 12903-12916.
- Diana Maryana. 2023. Gaya bahasa pertentangan dan perulangan dari lagu *Daerah Empat Lawang Selatan*. *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastera Indonesia*. (1): 40-73.
- Dwi Krisnawati dan Sri Budi Astuti. 2023. Gaya bahasa dalam judul berita di media Instagram @Liputan6. Seminar Nasional Hasil Riset dan Pengabdian. Surabaya, 6 Julai.

- Emira Naisya Imani, Jumadi & Dwi Wahyu. 2023. Gaya bahasa dalam judul berita di media Instagram @Liputan6. Seminar Nasional Hasil Riset dan Pengabdian. Surabaya, 6 Julai.
- Erika Normalia. 2024. Analisis penggunaan gaya bahasa perumpamaan dalam novel *Laut Bercerita* karya Leila S. Chuduri. Tesis Sarjana, Fakultas Perguruan Ilmu Pendidikan, Universitas Jambi.
- Harun Mat Piah. 1989. *Puisi Melayu Tradisional: Satu Pembicaraan Genre dan Fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang. 1987. *Kritikan Kesusasteraan*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Huzaimah Ismail, Norsiah Sulaiman dan Nafisiah Abdul Rahman. 2013. *Survival Entrepreneur Muslim Berdasarkan Manuskrip 'Syair Dagang Adanya'*. Seminar Serantau Kajian Manuskrip Melayu dan Kearifan Tempatan. Penerbit: UTM.
- M. Ahsin. 2020. Pendampingan Pembuatan Media Pembelajaran dengan Aplikasi Video Scribe untuk Gurua Ma Nu Hasyim Asyari. *Maria Jurnal Layanan Masyarakat*.
- Mohd Muhaimi Abdul Rahman. 2010. *Syair Dagang: Satu Kajian Naskhah*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Muhaimi Abdul Rahman. 2024. *Pendekatan Dakwah dalam Manuskrip Syair Dagang*. Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Muhaimi Abdul Rahman, Zubir Idris & Muhd Norizam Jamian. 2024. Penelitian Gaya Bahasa Perbandingan dalam *Syair Dagang Adanya* Karya Sheikh Hamzah Fansuri. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. Volume 24(2):158-179.
- Mohd Muhaimi Abdul Rahman & Salmah Jan Noor Muhammad. 2019. Pengalaman pengembaraan dalam *Syair Dagang Adanya* (MSS 3160). *Jurnal Filologi Melayu* 26.
- Mohd Muhaimi Abdul Rahman & Salmah Jan Noor Muhammad. 2023. *Syair Dagang: Sufisme Hamzah Fansuri*. The International Symposium Rentasia 2023. Shah Alam: Universiti Teknologi Mara.
- Mohd Saberi & Mas Rynna Wati. 2019. *Eko-Kritik dalam Puisi Melayu*. *Akademika*. 89(Isu Khas). 29-39.
- Muhammad Zanika Esa Putra. 2023. *Analisis Gaya Bahasa pada Puisi "Doa" karya Chairil Anwar*. *Jurnal Multidisiplin Indonesia* 2(3): 151-155.
- Muharam Awang & Shaiful Bahri Md. Radzi. 2020. Indah lagi mengasyikkan: gaya bahasa pertautan Usman Awang dalam puisinya. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 8(3): 33-42.
- Muharam Awang & Zubir Idris. 2023. Analisis kritis gaya bahasa perbandingan puisi Usman Awang. *Akademika* 93(1): 205-218.
- Muhd Norizam Jamian & Shaiful Bahri Md Radzi. 2015. Kesusasteraan Melayu Tradisional sebagai Wadah Komunikasi Massa: Suatu Analisis. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 31(2). 183-194.
- Norsiah Sulaiman. 2012. *Pemikiran Intelektual Alam Melayu: Tumpuan Syair Dagang No. MSS 3160, Muka Surat 13-14*. The 9th Regional Symposium of Malay Archipelago 2012.
- Rahman Shaari. 1987. *Glosari Istilah Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sapardi Djoko Damano, Riza Iryani Saragih, Intan Maulana & Arif Yuandana Sinaga. 2021. Analisis gaya bahasa *Kumpulan Perahu Kertas* karya Sapardi Djoko Damono. *Jurnal Bahasa & Sastra Indonesia*. 1(1): 8-23.
- Shaiful Bahri Md Radzi. 2019. Kebitaraan peribahasa Melayu dalam komunikasi. *Akademika* 89(Isu Khas/Special Issue): 139-149.

- Silvia Sandi. 2016. *Sastra Daerah dalam Muatan Pembelajaran Bahasa Indonesia Di Mi. Ar-Raniry International Conference on Islamic Studies. Syair Dagang Adanya* (MSS 3160). Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Syed Naquid Al-Attas. 2003. *The Mysticism of Hamzah Fansuri*. Penerbit: University Malaya Press.
- Tarigan, Henry Guntur. 1983. *Pengajaran Gaya Bahasa*. Bandung: Angkasa.
- Tarigan, Henry Guntur. 1985. *Prinsip-prinsip Dasar Sastra*. Bandung: Angkasa.
- Ulin Nuha Masruchin. 2017. *Buku Pintar Majas, Pantun dan Puisi*. Penerbit: PT. Millennia Tijara Semesta.
- Zurina Abdullah, Farah Nur Rasyidah & Ahmad Nazeer Zainal Arifin. 2017. Analisis Morfologi dalam Syair Perahu. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*.
- Zurina Abdullah, Rosnan, Farah Nur-Rashidah & Ahmad Nazeer Zainal Arifin. 2017. Analisis morfologi dalam Syair Perahu. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* 4(Special Issue): 73-81.

Mohd Muhaimi Abdul Rahman
Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia
Emel: muhami@gmail.com

Zubir Idris (Penulis koresponden)
Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia
Emel: zidris@ukm.edu.my

Muhd Norizam Jamian
Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia
Emel: norizam@ukm.edu.my